



**MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI KALI KE-54  
AGENDA 7:  
LAPORAN MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN TAHUN 2022  
5 OGOS 2022 – MENERUSI APLIKASI ZOOM MEETING**

## 1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan Ahli Jawatankuasa Kualiti, Universiti Putra Malaysia berhubung Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan bagi tempoh Januari hingga Jun 2022.

## 2.0 STATUS PELAKSANAAN MAKLUMBALAS PIHAK BERKEPENTINGAN QMS

Bil.	SKOP	PIHAK BERKEPENTINGAN	PENERAJU	STATUS DAN TARIKH PELAKSANAAN
1.	Pengajaran dan Pembelajaran	Penaja, Pelajar Tahun 2 dan Bakal Pelajar	Pej. TNCAA	Edaran soal selidik bagi tahun 2022 masih berjalan dan dalam tempoh edaran kajian bermula April hingga September 2022.
2.	Penyelidikan dan Inovasi	Penyelidik dan Industri	Pej. TNCPI	Hasil kajian soal selidik bagi pihak berkepentingan Industri adalah seperti di Lampiran 1 Maklum balas dari pihak berkepentingan (Penyelidik) belum diperolehi.
3.	Jaringan Industri dan Masyarakat	Staf, Industri dan Komuniti	Pej. TNCJIM	CiRNeT dan UCTC masih dalam proses mendapatkan respon. Edaran pada Jun sehingga September 2022

**MAKLUM BALAS SKOP PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

**PIHAK BERKEPENTINGAN = 6 RESPONDEN**

**OBJEKTIF: MENGUKUR TAHAP KEPUASAN INDUSTRI TERHADAP PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DI UPM**

**INDEKS KESELURUHAN BERADA DI TAHAP: SEDERHANA**

**Tiga (3) item yang mencatatkan min skor tertinggi**

- ❖ Adakah perundingan perniagaan dijalankan secara harmoni?
- ❖ Adakah pegawai/staf mempunyai pengetahuan berkenaan pembiaya?
- ❖ Adakah pegawai/staf memperkenalkan pembiaya kepada industri?

**Dua (2) item yang mencatatkan min skor terendah**

- ❖ Adakah penyelidik memberikan komitmen sepanjang aktiviti pemindahan teknologi?
- ❖ Adakah pegawai/staf mempunyai berkemahiran bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa perundingan perniagaan?

### **3.0 STATUS PELAKSANAAN MAKLUMBALAS PIHAK BERKEPENTINGAN ISMS**

Bil	JENIS SOAL SELIDIK	PENERAJU	STATUS DAN TARIKH PELAKSANAAN
1.	Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi Kemasukan 2022/2023	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu)	<b>Belum dilaksanakan.</b> Pendaftaran pelajar baharu prasiswazah akan berlaku pada 1 - 2 Ogos 2022 (Pelajar Diploma) dan 6 Oktober 2022 (Pelajar Bachelors).
2.	Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Semester Kedua Sesi 2021/2022	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	<b>Sedang Dalam Tindakan.</b> Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua 2021/2022 dijalankan bermula 30 Mei-14 Julai 2022. Laporan analisis akan disediakan dalam tempoh 2-3 minggu selepas tarikh akhir penilaian.

#### 4.0 SYOR

Ahli mesyuarat Jawatankuasa Kualiti dipohon untuk mengambil maklum berhubung Status Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan QMS dan ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 seperti berikut:

- Soal selidik maklum balas pihak berkepentingan bagi skop **Pengajaran dan Pembelajaran, Skop Jaringan industri dan masyarakat** masih dalam tempoh edaran
- Soal selidik maklum balas pihak berkepentingan bagi skop **Penyelidikan dan Inovasi** untuk Industri sepertimana yang dibentangkan dan maklum balas pihak berkepentingan (Penyelidik) belum diperolehi dan akan dibentangkan kelak.
- **Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi Kemasukan 2022/2023** yang akan dilaksanakan pada 1 – 2 Ogos 2022 (Pelajar Diploma) & 6 Oktober 2022 (Pelajar Bachelor); dan
- **Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua Sesi 2021/2022** telah dijalankan bermula 30 Mei - 14 Julai 2022 dan sedang dalam proses penyediaan laporan analisis di peringkat peneraju.

